

Bahasa Melayu sering dipandang rendah kerana dianggap hanya digunakan di negara ini dan bukan bahasa antarabangsa, tiada nilai ekonomi serta tidak profesional. Bahasa Melayu dilihat seolah-olah sebagai bahasa umum yang perlu diketahui sahaja dan bukannya untuk dikuasai. Hal ini diburukkan lagi dengan situasi ada rakyat sendiri yang tidak pandai bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Mereka lebih menggemari penggunaan bahasa asing yang lain ataupun bahasa ibunda yang telah pun sebatian dengan kehidupan harian mereka. Kekurangan penguatkuasaan juga turut menyebabkan penggunaan bahasa Melayu yang terhad. Hanya sektor kerajaan sahaja yang menggunakan bahasa ini dalam urusan harian manakala sektor swasta yang lain boleh memilih mana-mana bahasa yang diminati oleh mereka dalam urusan pekerjaan. Kadang-kadang kita juga dapat melihat penggunaan bahasa Melayu yang salah dalam pelbagai iklan yang digunakan di tempat-tempat awam tetapi keadaan ini dibiarkan begitu sahaja. Oleh sebab itu, taraf bahasa Melayu kita semakin dipandang rendah berbanding dengan penggunaan bahasa yang lain. Bahkan ada juga masyarakat yang menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa yang tidak standard dan mengagungkan bahasa Inggeris yang dilihat sebagai bahasa sedunia dan bahasa pembangunan. Para pemimpin yang juga selalu bertutur dengan menggunakan bahasa Inggeris semasa dalam persidangan di luar negara juga turut menjadi punca bahasa Melayu semakin ditolak ke tepi oleh masyarakat di negara kita sendiri. Sudah tiba masanya, pemimpin dan rakyat di negara kita bekerjasama bagai air dengan tebing untuk meningkatkan imej dan status bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu di negara kita supaya dapat menjadi bahasa kebanggaan bersama.

Punca-punca Bahasa Melayu Semakin Diabaikan
